

Naik taraf saluran paip **RM1.3 juta**

Inisiatif pemaju dipuji dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada penduduk Taman Bentara

SIJANGKANG - Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdul Fatah Iskandar memuji inisiatif Pemaju Perumahan Taman Bentara atau B1 yang bertanggungjawab menaik taraf sistem saluran paip dari Sungai Rambai ke Jalan Pipit.

Difahamkan, projek itu mengalami kelewatan selama dua bulan, hanya disebabkan bekalan air tidak dapat diperolehi akibat kekurangan bekalan air bersih dan terawat oleh pihak Syabas.

Menurutnya, bukan mudah untuk menjalankan tanggungjawab seperti itu yang mana sumber kewangannya diurus selia dengan cekap oleh kakitangan yang berdedikasi.

"Difahamkan bahawa syarikat ini memiliki lebih dari 20 projek di kawasan ini, tidak

hairanlah pihak itu berani menaik taraf sistem saluran paip dari Sungai Rambai sampailah ke kawasan ini seperti apa yang pihak Syabas cadangkan.

"Saya diberitahu kos menaik taraf saluran paip menelan belanja RM1.3 juta dan ini adalah suatu jumlah yang agak besar," katanya ketika merasmikan Majlis Kesyukuran Penyerahan Kunci Taman Bentara Fasa 1, kelmarin.

Bagaimanapun bagi pihak kerajaan, Abdul Fatah mengucapkan tahniah kepada pemaju berkenaan yang telah mengambil perhatian di atas tanggungjawab sosial membina saluran paip tersebut.

Sementara itu, Pengurus Besar Syarikat Raya Baiduri Sdn Bhd dan Pemaju Perumahan Taman Bentara atau B1, Abdul Talib Jali ber-



Abdul Fatah (kanan) turut hadir merasmikan Majlis Kesyukuran Penyerahan Kunci Taman Bentara Fasa 1 sambil diperhatikan Abdul Talib (dua, kiri).

kata, projek berkenaan telah mendapat kelulusan pembangunan dari semua jabatan luaran dan dalaman PBT, akhirnya mengalami kelewatan selama dua bulan, hanya disebabkan masalah bekalan

air itu.

"Sebagai memikul tanggungjawab, pihak syarikat telah menyempurnakan sejumlah pembayaran denda kelewatan ketika penyerahan kunci yang lalu walaupun dikesan perkara

tersebut sebenarnya bukanlah dari kelewatan pemaju.

"Sebagai jalan penyelesaian isu air bagi projek B1 ini, pihak Syabas mencadangkan agar pihak kami naik taraf sistem penyaluran bekalan air atau

IWSS dari Sungai Rambai ke Jalan Pipit sejauh 3.7 kilometer," katanya.

Katanya, setelah kajian dilakukan, akhirnya pihaknya bersetuju menaik taraf saluran paip tersebut walaupun mengetahui kos tersebut menelan belanja yang sangat tinggi.

"Tiada penyelesaian lain yang kami nampak dalam isu itu kecuali pihak kami melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat penduduk Taman B1.

"Kami sangat gembira dan berpuas hati kerana bukan sahaja masalah penduduk Taman B1 dapat diselesaikan, impak positifnya adalah kepada penduduk Kampung Kebun Baru, masjid, sekolah, surau-surau dan kemudahan lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Rangka pelbagai program sempena Ramadan



Rozana bersama sebahagian ahli jawatankuasanya yang bertungkus-lumus membungkus kurma untuk diagihkan kepada penduduk.

BANTING - Wanita Umno Bahagian Kuala Langat mengambil inisiatif merangka pelbagai program menjelang Ramadan.

Ketuanya, Rozana Kamarulzaman berkata, beberapa program termasuk edaran kurma, tadarus al-Quran, majlis berbuka puasa, memasak bubur lambuk dan berkunjung rumah ke rumah disusun bagi memberi peluang semua ahli mengerat hubungan kekeluargaan.

"Aktiviti ini sebagai salah satu usaha menyediakan sedikit sumbangan untuk masyarakat dalam menjalani ibadah puasa.

"Kita nak beri sedikit penghargaan kepada masyarakat selain mahu mereka menjalani ibadah dengan lancar," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Rozana berkata, beliau akan terus menunaikan tanggungjawabnya kepada masyarakat selain turut menyumbang bantuan sekiranya layak.

Katanya, aktiviti turun padang bersama ahli jawatankuasanya akan diteruskan selain memanjangkan masalah masyarakat kepada pihak berkaitan.